

17/08/2003

Pameran Sejarah Kemerdekaan Negara 30 Ogos

GENERASI muda berpeluang melihat sumbangan empat Perdana Menteri Malaysia di pameran khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-46 di Putrajaya.

Timbalan Pengarah, Perhubungan Awam dan Pelancongan, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya, Norhazifa Mohamed, berkata, Pameran Sejarah Kemerdekaan Negara itu akan diadakan selama tiga hari bermula 30 Ogos ini.

Pameran itu akan memaparkan sumbangan serta jasa dan bakti yang dicurahkan Tunku Abdul Rahman, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pameran itu akan diadakan di Dewan Serbaguna Presint 16 bagi menanamkan semangat cintakan pemimpin di kalangan warga Malaysia, terutama generasi muda.

Pameran itu adalah antara 13 acara yang diadakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan apabila Putrajaya buat pertama kalinya menjadi tuan rumah.

Antara acara lain adalah Pameran dan Demonstrasi Kraftangan, Demonstrasi Masakan dan Jualan Kuih-muih Tradisional serta Pekan Sehari.

Lebih 20,000 peserta dijangka menyertai perarakan yang akan diadakan di boulevard Putrajaya iaitu laluan sepanjang 4.2 kilometer dan selebar 100 meter.

Boulevard itu mengandungi rangkaian lima dataran iaitu Dataran Putra, Dataran Wawasan, Dataran Putrajaya, Dataran Rakyat dan Dataran Gemilang.

Pembinaan serta reka bentuknya melambangkan penerusan sejarah Malaysia sejak merdeka dengan turapan di jalan berkenaan diilhamkan daripada corak songket.